

RENCANA

Menteri Kewangan, Encik Lawrence Wong memberi ucapan mengenai cabaran yang dihadapi dunia dan Singapura dalam menangani kebangkitan politik identiti dan fahaman berpuak di persidangan mengenai identiti yang dianjurkan oleh Institut Kajian Dasar (IPS) dan Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam pada Selasa, 23 November. Berikut sedutan ucapan beliau.

# Perlu usaha berterusan tangani kebangkitan politik identiti di S'pura

SAYA bercakap mengenai kaum beberapa bulan lalu.

Saya perhatikan pada ketika itu bahawa masyarakat berbilang kaum yang harmoni tidak berlaku secara semula jadi. "Satu bangsa (*one people*), tanpa mengira kaum, bahasa atau agama" – yang tidak jatuh dari langit dalam keadaan sudah siap; kita yang berjaya membentuknya – walaupun terdapat perbezaan kaum, bahasa atau agama.

Sejak saya membuat ucapan, pemerintah terus mendekati orang ramai mengenai kaum.

Perdana Menteri sendiri bercakap mengenai perkara ini dalam Rapat Umum Hari Kebangsaan dan mengumumkan bahawa kita akan memperkenalkan Akta Mengekalkan Keharmonian Kaum dan undang-undang antidiskriminasi.

Dalam pada itu, saya dapati bahawa aspek identiti lain telah timbul dalam perbualan kita – berkaitan jantina, seks atau pelbagai perkara yang menjadi keprihatinan orang ramai.

Ini tidak menghairankan: Naluri semula jadi manusia untuk memerhatikan mereka yang paling serupa dengan kita. Di seluruh dunia, kita melihat apa yang kita mungkin panggil sebagai kebangkitan "kesukuan baru" dalam politik atau "politik identiti" seperti yang biasa digambarkan. Apa maksud semua ini untuk Singapura, dan bagaimana kita harus memberi respons? Saya akan berkongsi beberapa pendapat saya pagi ini. Dan saya harus menyatakan bahawa ia lebih dalam bentuk nota untuk mendorong perbincangan lanjut daripada satu penjelasan terperinci.

## DARIPADA SUKU KEPADA BANGSA

Saya akan mulakan dengan menentuhkan mengenai sejarah untuk menetapkan konteks bagaimana kita berada pada kedudukan kita hari ini.

Sebelum adanya negara, empayar, malah sebelum wujud bangsa pun, ada puak. Perkataan *tribe* (puak) berasal daripada bahasa Latin "tribus". Romulus, raja legenda Rom yang pertama, dikatakan telah membahagikan kotanya kepada tiga tribus atau kumpulan orang.

Apabila Republik Rom (dan kemudian Empayar) berkembang, menjadi jelas kemudian bahawa ikatan dan kesetiaan berpuak menentang idea pembentukan Rom. Jika kesetiaan pertama setiap orang Rom adalah kepada puaknya sendiri, bagaimanakah Rom akan menguatkuasakan kuasanya merentasi sebuah empayar yang luas?

Jadi Rom memberikan kita satu lagi konsep penting – *Civis Romanus* atau "Warganegara Rom". Ia idea revolusioner – bahawa anda tidak perlu berasal daripada puak yang sama atau dilahirkan di tempat yang sama untuk menjadi warganegara Rom.

Menjadi warganegara Rom begitu bermakna. Malah, Rom akan bersa begitu marah terhadap sesiapa yang berani mencederakan warganegara sehingga keselamatan dikatakan terjamin jika bagi sesiapa sahaja yang boleh mengisytiharkan *Civis Romanus Sum*, atau "Saya Warganegara Rom".

Sebagai ganti, warganegara Rom diharapkan dapat melaksanakan pelbagai tugas sivik yang utama adalah mempertahankan Rom apabila perlu.

Kewarganegaraan Rom pastinya terhad. Baik republik mahupun empayar tidak percaya untuk memberikannya kepada semua. Hanya sekumpulan kecil orang boleh diharapkan menjadi warganegara Rom, biasanya anak lelaki warganegara Rom sedia ada, atau individu di wilayah yang telah menabur jasa besar kepada empayar. Majoriti yang lain adalah rakyat separuh warga yang terdiri daripada pelbagai puak atau hamba.


Tetapi di sebelah sifat kewarganegaraan yang terhad, Rom memamerkan kemungkinan puak yang berbeza bersatu di bawah panji yang sama, dan mengubah perjalanan sejarah.

## POLITIK IDENTITI DALAM MASYARAKAT MODEN

Hari ini, selepas lebih 2,000 tahun tamadun manusia, kita tidak lagi memerlukan raja atau empayar untuk mengumumkan konsep kewarganegaraan.

Di banyak negara, kita kini menerima kewarganegaraan di republik berperlembagaan. Tetapi konflik lama antara identiti kebangsaan dengan puak kekal sebagai salah satu kuasa pendorong keganasan yang paling kuat di dalam dan antara negara.

Ada yang beranggapan bahawa



**BANYAK RUANG BERSAMA:** Keharmonian kaum di Singapura tidak berlaku secara kebetulan. Pemimpin pengasas negara ini telah berusaha keras melaksanakan langkah menjaga keharmonian kaum dan agama bagi mewujudkan banyak ruang bersama. – Foto fail

negara yang homogen dari segi etnik kurang terdedah kepada konflik suku kaum.

Sudah tentu lebih mudah menjadikan rakyat sekumpulan orang yang kelihatan sama, bercakap bahasa yang sama dan berkongsi sejarah yang sama.

Tetapi "puak" bukan hanya soal etnik. Terdapat penanda identiti lain yang memacu apa yang mungkin kita panggil "kesukuan baru" era moden.

Sebagai contoh, perang budaya yang kita lihat di Barat kini merentasi pelbagai isu – daripada hak pengguguran kepada hak mengundi; daripada budaya bangun (*woke culture*) kepada vaksinasi dan memakai pelitup. Ini merangkumi banyak kumpulan etnik dan agama.

Mengapa, di sebelah nasionalisme, di sebelah teresahnya demokrasi, di sebelah usaha menjalin persamaan antara puak dan kaum, agama, kita terus hidup di bawah bayang-bayang kesukuan?

Sebahagian penjelasannya terletak pada bilangan masyarakat yang telah berkembang sejak beberapa dekad yang lalu.

Bayangkan bagaimana kehidupan pada 1950-an atau 60-an: Terdapat banyak masalah, tetapi masyarakat di mana-mana pada umumnya lebih bersatu padu, dan orang ramai lebih berhubung dan lebih aktif dalam komuniti masing-masing.

Di Singapura, kita memanggilmnya "Semangat Kampung".

Sejak beberapa dekad yang lalu, terdapat penekanan yang lebih besar pada budaya sendiri.

Ini semua berkaitan bagaimana "Saya mahu bebas menjadi diri saya sendiri".

Kita dapat melihat perkara ini paling ketara di Amerika Syarikat dan sebahagian negara Eropah, tetapi ia telah meresap ke dalam masyarakat di mana-mana sahaja.

Supaya jelas, tumpuan kepada individu dalam membawa banyak kemajuan dalam banyak bidang. Tetapi seperti yang dinyatakan oleh kolumnis *New York Times*, David Brooks, apabila rasa mementingkan diri meningkat, dengan mengorbankan komuniti, individualisme menjadi etos (sifat) yang memerintah, dan hubungan antara manusia menjadi lemah. Ini akan membawa kepada kesunyian dan pengasingan. Dan apabila seseorang itu berasa sunyi dan terasing, mereka kembali kepada sikap yang mungkin purba dalam spesies kita – mereka kembali kepada sikap berpuak.

Internet memudahkan puak baru sebegini membentuk dan mengatur diri mereka. Malangnya, ruang media sosial sering bermakna puak ini akhirnya memilih maklumat terpilih bagi menyokong dan mengukuhkan pandangan mereka sendiri.

Tribalisme (semangat berpuak) mungkin terasa seperti bermasyarakat. Tetapi kedua-duanya tidak sama. Semangat bermasyarakat adalah mengenai hubungan inklusif, dan berdasarkan kasih sayang bersama. Tribalisme sememangnya bersifat eksklusif, dan berdasarkan kebencian bersama: 'kita' lawan 'mereka', 'kawan' lawan 'musuh'.

Apabila identiti puak seperti ini berakar umbi, sebarang usaha mencapai kompromi menjadi sukar. Ini kerana apabila kita memisahkan politik kita pada identiti, sebarang

kompromi kelihatan seperti tidak bermaruah.

Setiap rungutan mengancam nilai diri seseorang; dan setiap kegagalan menjadi cabaran kepada harga diri seseorang. Jadi kita akan terjerumus ke satu lingkaran ke bawah: individualisme dan mementingkan diri sendiri menyebabkan terbentuknya sikap berpuak-puak; setiap suku merapatkan saf; dan politik ditakrifkan sebagai perang habis-habisan dalam kalangan puak-puak.

## POLITIK IDENTITI DI SINGAPURA

Apa yang saya nyatakan tadi bukanlah andaian. Kita melihat trend ini berlaku dalam banyak negara demokrasi dunia pertama. Mujur kita berada dalam kedudukan yang tidak baik di Singapura. Tetapi kita tidak boleh menganggap bahawa keharmonian yang kita kecapi sekarang begitu kukuh, apatah lagi kekal.

Singapura merupakan campuran identiti berpuak. Kita adalah adunan kaum daripada tiga tamadun Asia utama yang kompleks – Cina, India dan Asia Tenggara. Namun kita tidak mempunyai sejarah panjang atau budaya asli yang menyatukan kita.

Sememangnya, adalah wajar diingatkan betapa kita berpecah belah hampir satu atau dua abad lalu. Malah identiti yang kelihatan stabil, yang kini kita ambil mudah – Cina, Melayu, India; apatah lagi warga Singapura – tidak stabil sama sekali.

Untuk memberi gambaran, izinkan saya bertanya: apakah gangguan etnik paling teruk dalam sejarah Singapura?

Ramai yang akan mengatakan rusuhan kaum 1964, yang mengakibatkan 36 kematian dan sekitar 560 kecederaan.

Sebenarnya, konflik yang jauh lebih ganas berlaku antara Hokkien dan Teochew pada Mei 1854. Rusuhan itu berlangsung lebih 10 hari, menyebabkan 400 orang atau lebih terbunuh, ramai cedera dan sekitar 300 rumah terbakar.

Menurut catatan sejarah, latar belakang konflik itu adalah keengganan orang Hokkien "untuk menyertai kutipan bagi membantu pemberontak yang telah dihalau dari Amoy oleh tentera Imperial China."

Kerencanaan kaum kita di langkai kerencanaan agama kita: Muslim, penganut Buddha, Kristian, Hindu, Tao dan banyak lagi. Mengikut ukuran tertentu, Singapura adalah tempat paling rancam di dunia dari segi agama.

Kita tidak asing daripada cabaran kerencanaan ini. Pengalaman kita dalam rusuhan kaum dan agama pada 1950-an dan 1960-an menggariskan dengan jelas potensi pertembungan sektarian.

Kita juga melihat bagaimana perbezaan itu boleh dipolitikkan semasa kita sebahagian dari Malaysia. Pemimpin pengasas memutuskan tidak mahu itu berlaku lagi.

Namun, selepas kemerdekaan kita pada 1965, ramai yang ragu jika sebuah negara pulau kecil, terdiri daripada orang yang bercakap pelbagai bahasa dan dialek dan dikelilingi jiran yang lebih besar, boleh bertahan lama. Namun, kita berjaya mengelak konflik yang serius.

Ia tidak berlaku secara kebetulan. Pemimpin pengasas kita berusaha keras melaksanakan langkah menjaga keharmonian kaum dan agama



– Foto IPS

"Usaha dan masa diperlukan untuk mengenali orang di sekeliling kita dan membina kepercayaan. Ini bukan sesuatu yang boleh kita paksa atau lakukan begitu sahaja; perhubungan perlu dibina satu persatu. Apa yang boleh kita lakukan adalah norma sosial kita. Oleh itu, kita harus bekerja keras untuk mengukuhkan norma yang menjadikan kita lebih rapat – norma seperti mengambil berat terhadap orang lain, berbaik budi, santun."

– Menteri Kewangan, Encik Lawrence Wong (gambar).

kita. Mereka mengambil tindakan yang sukar tetapi perlu.

Mereka menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri terhadap semua golongan cauvinis.

Mereka memperkenalkan dasar yang tidak popular dalam jangka pendek – seperti menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama di sekolah kita, dan kemudian Program Integrasi Etnik bagi perumahan awam – untuk mewujudkan lebih banyak ruang bersama di kalangan kumpulan kaum dan agama yang berbeza.

Semua langkah ini hanya boleh terlaksana kerana generasi rakyat Singapura percaya bahawa apa yang diperjuangkan Singapura sebagai sebuah negara melebihi tarikan naluri dan perasaan berpuak mereka sendiri.

Keadaan yang harmoni ini akan sentiasa berada di hujung tanduk; jadi ia memerlukan perhatian berterusan dan pengurusan yang teliti. Saya pernah bercakap sebelum ini tentang bagaimana beberapa insiden perkauman awal tahun ini mengingatkan kita bahawa kita tidak boleh mengambil mudah keharmonian kaum kita.

Dalam dunia yang saling terkait yang kita diami, perang budaya yang bermula di Barat tidak akan terbatas di sana. Ia telah pun mencipta bentuk politik identiti baru di sini, melangkaui pemisahan kaum dan agama yang kita kenali.

Jika kita tidak berhati-hati, sikap berpuak yang baru boleh berakar di sini dengan mudah, dan politik kita boleh ditakrif oleh isu identiti baru juga.

Menangani ketegangan baru ini tidak bermakna kita berpura-pura bahawa perbezaan tidak wujud.

Sebaliknya, sebagai titik permulaan, kita mesti akui bahawa tarikan politik identiti timbul daripada perbezaan sebenar dalam realiti hidup. Segmen penduduk yang berbeza akan mempunyai keprihatinan dan keimbangan mereka sendiri.

Cabarannya adalah untuk mengukuhkan dan melakukan yang terbaik untuk menangani keimbangan sah setiap "suku", tanpa membenarkan politik kita berasaskan secara eksklusif pada identiti atau kesetiaan suku.

## LANGKAH KE DEPAN KITA

Ini lebih mudah diucapkan daripada dilakukan.

Sebelum ini, selepas rusuhan kaum 1964, kita berusaha keras untuk mengurangkan perbezaan di antara kita.

Hari ini kita mempunyai masyarakat yang lebih rancam, tetapi kita juga mempunyai lebih banyak persamaan, dan identiti Singapura telah menjadi lebih kukuh.

Jadi bagaimana kita boleh mengimbangi tuntutan kumpulan identiti yang pelbagai sambil mengekalkan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni?

Bagaimanakah kita boleh membina masyarakat, dengan semua orang adalah sama rata dan setiap orang ada tempat, tanpa mengira latar belakang mereka?

Ini adalah soalan sukar dan saya

sedemikian; dan kita semua mesti lebih sedar tentang stereotaip yang mungkin kita miliki.

Kita mesti elak daripada mengurangkan persefahaman antara satu sama lain menjadi satu dimensi. Ini mengeraskan pandangan kita terhadap mereka yang berbeza daripada kita, dan dari masa ke masa, kita akan melihat semua isu melalui lensa itu. Ia akan menjadi semakin sukar untuk mencari titik persamaan atau huraian yang memberi manfaat kepada semua kumpulan.

Sebaliknya, kita harus berhati-hati daripada memecahkan masyarakat kepada kumpulan lebih kecil. Inilah yang kita lihat dalam sesetengah masyarakat – feminis kulit hitam tidak boleh sehaluan dengan feminis kulit putih; atau satu minoriti berasa lebih sedih daripada yang lain; dan sebagainya. Kita mesti melawan naluri yang membezakan diri kita dan menyisihkan orang lain, dan sebaliknya bersedia untuk membina persefahaman dan persamaan merentasi garis identiti.

Realitinya ialah kita semua mempunyai pelbagai identiti.

Ini adalah identiti kaum dan agama yang benar; dan ia juga berlaku pada pelbagai identiti lain. Menjadi warga Singapura tidak harus bermakna perlu melepaskan identiti kita yang lain.

Ketiga, kita harus menggariskan sifat kita dari sudut yang lebih baik. Manusia berpuak, tetapi kita juga secara semula jadi adalah pedagang.

Sepanjang sejarah, manusia telah berkembang maju kerana keinginan naluri untuk meneroka dan bertemu kumpulan baru manusia, yang boleh hidup bersama, berdagang atau belajar.

Sebenarnya naluri pedagang ini adalah sebahagian daripada diri kita sebagai rakyat Singapura. Singapura bermula sebagai hab perdagangan entrepot. Perdagangan ada dalam darah kita.

Perdagangan bukan sekadar membuat transaksi ekonomi. Perdagangan adalah berdasarkan norma kesalingan, kepercayaan dan faedah bersama. Asas semua perdagangan yang berjaya terletak pada kesediaan untuk saling bertukar dan bekerjasama. Untuk berdagang dengan berkesan, kita mesti membina hubungan jangka panjang yang saling menguntungkan dengan orang lain.

Naluri yang sama ini penting dalam menetapkan nada masyarakat kita.

Keempat, sebagai sebuah masyarakat, kita mesti terus memberi semua rakyat Singapura sebab untuk berharap dan peluang yang sama untuk menikmati kehidupan yang baik.

Kebangkitan politik ekstrem di banyak ekonomi maju sebahagian besarnya berkaitan dengan masalah ekonomi mereka. Kelas pertengahan di banyak negara Barat kian kehilangan tempat selama beberapa dekad.

Isi rumah biasa menghadapi pendapatan yang tidak berganjak, dengan anak-anak kurang pencapaian berbanding ibu bapa mereka. Pelajar maktub tidak memperoleh pekerjaan dan terbeban dengan hutang pelajar.

Kita tidak boleh membenarkan perkara ini berlaku di Singapura. Jadi, kita akan terus bekerja keras untuk menggalakkan pertumbuhan inklusif, dan untuk memastikan semua rakyat Singapura boleh berjaya dalam usaha mereka.